

09 DEC 1999  
Alwi-Penjelasan  
GUS DUR NAFI LAPORAN FEER

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, Dis 9 (Bernama) -- Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab hari ini menafikan bahawa Presiden Abdurrahman Wahid pernah mengeluarkan kenyataan yang Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memintanya (Abdurrahman) menjadi orang tengah bagi merapatkan hubungan antara Malaysia dengan Israel.

Alwi berkata laporan oleh sebuah majalah antarabangsa Far Eastern Economic Review (FEER) keluaran 9 Dis itu tidak mempunyai asas sama-sekali.

Laporan itu yang dimuat dalam ruangan "Intelligence" majalah berkenaan mengutip Abdurrahman sebagai berkata bahawa Dr Mahathir telah meminta jasa baiknya untuk menghubungkan dan "membantu mewujudkan hubungan yang lebih dekat dengan Israel."

Malaysia melalui Menteri Luar Syed Hamid Albar menyatakan bantahan terhadap laporan itu dua hari lepas.

"Saya sendiri hadir dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Gus Dur (nama mesra Abdurrahman) ketika lawatan rasmi ke Malaysia (awal bulan lalu) dan tidak ada hal-hal berhubung Israel dibincangkan," katanya pada persidangan berita di pejabatnya hari ini.

Persidangan akbar itu dipanggil khas untuk menjelaskan isu berkenaan.

Alwi berkata beliau juga mengikuti lawatan Gus Dur ke luar negara dan tidak pernah mendengar presiden mengeluarkan kenyataan seperti itu.

Katanya dalam pertemuan itu Gus Dur sangat hormat dengan Dr Mahathir dan dengan itu tidak mungkin beliau mengeluarkan kenyataan yang dianggap boleh menjejaskan nama baik Perdana Menteri Malaysia.

(Sebab itu) ia menjadi tanda tanya kepada Indonesia kerana Gus Dur merasa tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti itu, katanya.

"Apakah wartawan FEER tersalah kutip atau memang ada kesengajaan atau seseorang itu mempunyai maksud tertentu, ini semuanya menjadi tanda tanya kita," kata Alwi.

Beliau berharap Malaysia dapat memahami keadaan itu sambil meminta agar kedua-dua pihak jangan dipengaruhi oleh "usaha yang memutar-belitkan berita."

Katanya hubungan Indonesia dengan tetangga Malaysia sangat erat dan tidak ada tangan-tangan yang boleh menjejaskan keakraban ini.

Alwi berkata bahawa pegawainya sudah berjumpa dengan Duta Besar Malaysia di sini Datuk Rastam Mohd Isa semalam untuk menjelaskan laporan itu dan ia diterima dengan baik.

Ditanya sama ada Indonesia akan mengambil tindakan terhadap FEER, beliau berkata: "Kalau ada wakilnya di sini, saya boleh berbicara. Kita tidak mahu memperbesarkan masalah. Saya yakin kerajaan Malaysia percaya sama saya."

Terhadap soalan kenapa Gus Dur sendiri tidak membuatkan penjelasan, Alwi berkata ia sama sahaja kerana beliau sebagai (salah seorang) pembantu presiden.

-- BERNAMA  
OPP NMO